

CAWANGAN PEMAKANAN KELUARGA

SEKTOR PEMAKANAN IBU	SEKTOR PEMAKANAN BAYI DAN KANAK-KANAK BAWAH 5 TAHUN	SEKTOR PEMAKANAN KANAK-KANAK	SEKTOR PEMAKANAN DEWASA DAN WARGA EMAS
<p>Perancangan, pembangunan, penyelarasan, pemantauan, penilaian dan penilaian program bagi keperluan wanita usia reproduktif yang merancang untuk hamil (pra-kehamilan), wanita hamil (antenatal) dan wanita selepas bersalin (postnatal). (Contoh: Pengurusan pemakanan bagi persediaan kehamilan yang sihat, program pengurusan berat badan ibu hamil (<i>Gestational Weight Gain</i>), pengurusan pemakanan bagi ibu selepas bersalin secara sihat, dan <i>Post-Partum Weight Retention, PPWR</i>).</p> <p>Pencegahan dan pemulihan malnutrisi menerusi intervensi bersepadu inter dan intra-agensi peringkat nasional, komuniti atau klinik bagi mengatasi dan mencegah masalah kekurangan mikronutrien. (Contoh: pewartaan penggunaan Garam Beriodin di Seluruh Malaysia, suplementasi zat besi dan asid folik untuk ibu hamil di klinik kesihatan, rundingcara pemakanan ibu hamil anemia oleh Pegawai Pemakanan, pemberian susu tepung penuh krim bagi ibu hamil termiskin, usaha fortifikasi makanan dengan zat besi dan asid folik, Program Kepastian Kualiti (QA) Anemia Ibu Hamil).</p> <p>Konsultasi pemakanan teknikal wanita usia reproduktif yang merancang untuk hamil (pra-kehamilan), wanita hamil (antenatal) dan wanita selepas bersalin (postnatal) melalui pelbagai platform (inter-intra agensi, media massa dan settings) media massa, advokasi, perundangan, nasihat/input teknikal dan latihan kepada kumpulan sasaran yang terfikat dalam pengurusan pra-kehamilan, antenatal atau postnatal secara langsung atau tidak.</p> <p>Pengurusan sumber pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan berdasarkan keperluan wanita usia reproduktif yang merancang untuk hamil (pra-kehamilan), wanita hamil (antenatal) dan wanita selepas bersalin (postnatal). (Contoh: pengurusan kewangan, pelan tindakan, garis panduan, dan modul latihan).</p>	<p>Perancangan, pembangunan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian program serta aktiviti (<i>intervensi</i>) bagi pemakanan bayi dan kanak-kanak bawah 5 tahun yang merangkumi penyusuan susu ibu, pemakanan bayi dan kanak-kanak serta pencegahan dan pemulihan bayi dan kanak-kanak yang mengalami masalah kekurangan nutrisi, (seperti Inisiatif Hospital Rakan Bayi, Klinik Rakan Bayi, Kumpulan Sokongan Penyusuan Susu Ibu, Perkongsian Susu Ibu di bawah Hospital KKM, Latihan Modul Penilaian Pertumbuhan Dan Kaunseling Pemakanan Bayi Dan Kanak-Kanak Kecil, dan Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan dan Program Makanan Tambahan Susu Tepung Penuh Krim dan Program <i>Community Feeding</i>).</p> <p>Pengurusan sumber mengenai pelaksanaan program serta aktiviti (<i>intervensi</i>) berkaitan pemakanan bayi dan kanak-kanak bawah 5 tahun (seperti kewangan, pelan tindakan, garis panduan, modul latihan, latihan dan bahan pendidikan).</p> <p>Advokasi amalan pemakanan bayi dan kanak-kanak bawah 5 tahun menerusi pelbagai platform (intra-inter agensi, media massa dan settings).</p> <p>Perundangan pemakanan dan sumber rujukan teknikal pemakanan bayi dan kanak-kanak bawah 5 tahun.</p> <p>Perundangan, penyelarasan, pemantauan dan penyediaan aspek kejurawatan bagi mengekalkan kualiti perkhidmatan kejurawatan dalam pelaksanaan program dan aktiviti pemakanan bayi dan kanak-kanak di bawah 5 tahun.</p>	<p>KANAK-KANAK 5-12 TAHUN</p> <p>Perancangan, pembangunan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program pemakanan kanak-kanak 5-12 tahun. Contoh aktiviti: -Pemantauan penjualan makanan dan minuman yang berkhiasat di kantin sekolah -Program Hidangan Sihat di Sekolah (HITS) -Program Kembara Riang Ria -Pemantauan prestasi pengurusan pemakanan (contoh penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah, pemantauan menu prasekolah/ tabika dan RMT) -Pemantauan median iodin urin -Advokasi pemakanan kepada ibu bapa bagi setting prasekolah/ tabika</p> <p>Pengurusan sumber mengenai pelaksanaan program serta aktiviti pemakanan kanak-kanak 5-12 tahun seperti kewangan, pelan tindakan, garis panduan, modul latihan, latihan dan bahan pendidikan.</p> <p>Pencegahan dan intervensi (advokasi dan pemulihan) pemakanan kanak-kanak 5-12 tahun seperti pemantauan berat badan murid dan integrasi komponen pendidikan pemakanan sihat ke dalam kurikulum sekolah (contoh pengintegrasian komponen MyBFF@school bagi modul pemakanan ke dalam kurikulum Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan), modul ko-kurikulum (seperti Kelab Doktor Muda) serta aktiviti luar bilik darjah (seperti Projek Kebun Dapur di tabika KEMAS).</p> <p>Perundangan pemakanan dan sumber rujukan teknikal pemakanan (contoh: pembentukan/ semakan menu, pembentukan/ semakan polisi agensi berkaitan, RMT dan program susu) termasuk khidmat nasihat bagi penyediaan ulasan produk makanan yang dicadangkan untuk kanak-kanak 5-12 tahun dan kajian impak program pemakanan di sekolah (seperti Program Rancangan Makanan Tambahan, Program Susu Sekolah, Program Sarapan Pagi) serta kolaborasi di peringkat kebangsaan dan global.</p> <p>REMaja 13-18 TAHUN</p> <p>Perancangan, pembangunan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program pemakanan remaja 13-18 tahun (contoh: pemantauan prestasi pengurusan pemakanan seperti penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah, hidangan sihat di dewan makan asrama).</p> <p>Pengurusan sumber mengenai pelaksanaan program serta aktiviti pemakanan remaja 13-18 tahun seperti kewangan, pelan tindakan, garis panduan, modul latihan, latihan dan bahan pendidikan.</p> <p>Pencegahan dan intervensi (advokasi dan pemulihan) pemakanan remaja 13-18 tahun seperti pemantauan berat badan murid dan integrasi komponen pendidikan pemakanan sihat ke dalam kurikulum sekolah dan modul ko-kurikulum seperti Kelab Doktor Muda.</p> <p>Perundangan pemakanan dan sumber rujukan teknikal pemakanan (contoh: pembentukan/ semakan menu dan pembentukan/ semakan polisi agensi berkaitan) termasuk khidmat nasihat bagi penyediaan ulasan produk makanan yang dicadangkan untuk remaja 13-18 tahun serta kolaborasi di peringkat kebangsaan dan global.</p>	<p>Dewasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program serta aktiviti pemakanan belia dan dewasa berdasarkan analisa situasi pemakanan negara (seperti: Penyajian Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat (PHSSM), Latihan Katering Sihat, Pengiktirafan Kafeteria Sihat, Pengiktirafan Bersih, Selamat dan Sihat (BeSS)). • Pembangunan dan integrasi polisi/ dasar pemakanan sihat dewasa ke peraturan/poli/ dasar negara/ Kementerian lain contohnya pelaksanaan Latihan Katering Sihat sebagai pra syarat dalam permohonan lesen perniagaan makanan/ minuman. • Pengurusan sumber mengenai pelaksanaan program serta aktiviti pemakanan dewasa (seperti kewangan, pelan tindakan, garis panduan, modul latihan, latihan dan bahan pendidikan). • Pencegahan dan intervensi (advokasi dan pemulihan) bagi pemakanan belia dan dewasa menerusi pelbagai platform (inter-intra agensi, media massa/ media sosial dan settings) seperti pelaksanaan Kafeteria Sihat di Institusi Pengajian Tinggi. • Perundangan dan sumber rujukan teknikal pemakanan dewasa. • Warga emas • Perancangan, pembangunan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program serta aktiviti pemakanan warga emas berdasarkan analisa situasi pemakanan negara. • Pengurusan sumber mengenai pelaksanaan program serta aktiviti pemakanan warga emas (seperti kewangan, pelan tindakan, garis panduan, modul latihan, latihan dan bahan pendidikan). • Pencegahan dan intervensi (advokasi, pemulihan) bagi pemakanan warga emas menerusi pelbagai platform (inter-intra agensi, media massa/ media sosial dan settings) seperti pelaksanaan program <i>meals on wheels</i> dan bawcar inisiatif dalam menangani pelbagai isu termasuk jaminan kedapatan makanan dan malnutrisi dalam kalangan warga emas • Perundangan dan sumber rujukan teknikal pemakanan warga emas.